

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 09 Tahun 2014

KEWAJIPAN MENGISYTIHARKAN HARTA OLEH STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DI BAWAH PERATURAN 9 DAN 12, JADUAL KEDUA AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kewajipan staf Universiti Teknologi MARA untuk membuat pengisytiharan harta dan liabiliti.

LATAR BELAKANG

2. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] memperuntukkan bahawa seorang pegawai hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tatatertib melalui Ketua Jabatannya, segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri, atau suaminya atau anaknya atau dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suami atau anaknya.

3. Harta termasuklah apa-apa harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang pegawai itu dikehendaki dari semasa ke semasa untuk mengisytiharkannya iaitu harta yang diperolehi pegawai melalui pembelian, pemberian, pewarisan atau cara lain termasuk harta yang diperolehi atau dipegang oleh isteri atau suami atau anak pegawai itu.

4. Maksud harta tak alih:

- 4.1 tanah, termasuk tanah yang diduduki di bawah lesen pendudukan sementara;
- 4.2 segala jenis tempat kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium;
- 4.3 bangunan, termasuk rumah kedai atau ruang kedai, ruang pejabat atau warung.

5. Maksud harta alih:
 - 5.1 apa-apa bentuk wang tunai di mana jua dideposit atau disimpan;
 - 5.2 saham, debentur, bon atau sekuriti lain;
 - 5.3 apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial;
 - 5.4 apa-apa jenis kenderaan bermotor;
 - 5.5 apa-apa harta alih lain termasuklah barang kemas, keahlian kelab, perabot rumah dan alat sukan, yang harga belian tiap-tiap satunya melebihi 6 bulan emolumen atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih rendah.

PELAKSANAAN

6. Semua staf Universiti Teknologi MARA hendaklah mengisytiharkan harta dan liabiliti:
 - 6.1 dalam tempoh 30 hari dilantik dalam perkhidmatan;
 - 6.2 pada bila-bila masa dikehendaki oleh universiti;
 - 6.3 apabila memperolehi harta baru/pertambahan harta;
 - 6.4 apabila melupuskan harta;
 - 6.5 sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun dari tarikh terakhir pengisytiharan harta dan liabiliti telah dibuat.

7. Semua staf Universiti Teknologi MARA yang masih belum membuat pengisytiharan harta dan liabiliti mengikut Para 6 dikehendaki mengisytiharkan harta dan liabiliti:
 - 7.1 Bagi staf yang belum pernah mengisytiharkan harta dan liabiliti semenjak dilantik, hendaklah mengisytiharkan kepada Ketua Jabatan masing-masing tidak lewat daripada **30 September 2014**;
 - 7.2 Bagi staf yang pernah mengisytiharkan harta dan liabiliti tetapi tempohnya telah melebihi lima tahun daripada tarikh akhir pengisytiharan harta dibuat hendaklah mengisytiharkan kepada Ketua Jabatan masing-masing tidak lewat daripada **30 September 2014**.

8. Borang Pengisytiharan Harta dan Liabiliti berikut boleh diperolehi daripada Portal I-Staf UiTM:
 - 8.1 Borang Pengisytiharan Harta dan Liabiliti Kali Pertama/Tambahan;
 - 8.2 Borang Pengakuan Tiada Perubahan Ke Atas Pemilikan Harta;
 - 8.3 Borang Pengisytiharan Pelupusan Harta;
 - 8.4 Borang Pengisytiharan Syarikat/Perniagaan Persendirian

9. Borang pengisytiharan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan kepada moderator eDisiplin yang telah dilantik di jabatan masing-masing bagi tujuan pengemaskinian maklumat pengisytiharan dalam sistem eDisiplin sebelum dimajukan ke Unit Integriti bagi tujuan pengesahan.

TINDAKAN TATATERTIB

10. Prosiding tatatertib boleh dimulakan kepada staf yang didapati gagal mengisytiharkan harta dan liabiliti mengikut tempoh yang ditetapkan.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling ini dikeluarkan pada 14 Julai 2014.

TARIKH KUATKUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa 14 Julai 2014

PEMAKAIAN

13. Pekeliling ini adalah terpakai untuk seluruh sistem Universiti Teknologi MARA.



TAN SRI DATO' SRI PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil Fail : 100-UInt(6/7/1)
No. Siri : 100-UiTM (NC/09/2014)*